

14/02/2003

Kurikulum dirombak (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyusun semula sistem sekolah kebangsaan (SK)

di seluruh negara dengan menyediakan sukatan dan mata pelajaran yang mencukupi untuk keperluan semua pelajar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ketika mengumumkannya semalam berkata, langkah itu diambil kerana keadaan sekarang seolah-olah tidak ada lagi sekolah kebangsaan berikutan terlalu banyak pindaan ke atas sistem pendidikan peringkat rendah itu.

Katanya, kerana mahu mengutamakan ciri kemelayuan dan menanam unsur keislaman dalam sistem itu, sekolah kebangsaan kini sudah menjadi sekolah agama Islam Melayu.

Selain itu, bahasa ibunda bukan Melayu yang diajar di sekolah kebangsaan dulu, diketepikan sehingga orang Cina dan India menolak sekolah kebangsaan kerana menganggap ia menjadi sekolah Melayu dan sekolah agama Islam.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata, sekolah jenis kebangsaan (SJK)

yang hampir lenyap suatu ketika dulu, subur kembali kerana sekolah kebangsaan dianggap tidak menarik.

"Jawatankuasa khas dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohamad Noor mengkaji secara menyeluruh kurikulum baru sekolah kebangsaan ini termasuk memberi input mengenai subjek agama," katanya ketika menyampaikan Amanat Presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Lebih 3,000 pemimpin Umno dari seluruh negara hadir pada pertemuan bertujuan memberi penjelasan mengenai tindakan kerajaan menghentikan bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat (SAR) itu.

Ucapan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno selama 65 minit itu diikuti dialog terbuka selama 35 minit, tertumpu khusus kepada isu SAR. Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga Naib Presiden dan semua ahli

Majlis Tertinggi serta pemimpin Umno dari semua 165 bahagian.

Dr Mahathir berkata, larangan tertentu yang dikenakan di sekolah kebangsaan menyebabkan ramai ibu bapa bukan Melayu menghantar anak ke SJK, sekolah yang hampir lenyap suatu ketika dulu.

"Sekarang kita tak panggil bahasa kebangsaan, kita panggil bahasa Melayu. Kita sebenarnya telah menyuburkan sekolah jenis kebangsaan, cukup besar sehingga ada beribu-ribu pelajar.

"Tindakan bukan Melayu memilih SJK menyebabkan mereka `tiada' lagi di sekolah kebangsaan sedangkan mereka sepatutnya berdampingan dengan orang Islam untuk mengenali dengan lebih rapat. Kesannya, sekolah kebangsaan kini terhad kepada orang Melayu dan Bumiputera saja," katanya.

Beliau berkata, lebih `mengecewakan' ialah sekolah kebangsaan yang menjadi "sekolah Melayu" ini ditolak oleh orang Melayu sendiri apabila banyak anak Melayu berpindah dari sekolah kebangsaan ke SAR.

Perdana Menteri menjelaskan, tindakan menghentikan sementara bantuan per kapita kepada SAR bukan kerana agenda politik bagi memenuhi kehendak Umno, tetapi demi kepentingan Islam itu sendiri.

Sebaliknya, kata beliau, langkah Pas dalam `kempen gerakan menyelamatkan SAR' adalah semata-mata untuk mempertahankan sekolah itu, bukannya agama Islam.

"Tan Sri Murad memberi laporan awal kepada saya pagi tadi. Kita nak baiki mata pelajaran agama di sekolah kebangsaan, bukan nak tutup SAR kerana kita dapati bukan agama Islam sebenar diajar di situ tetapi menyemai politik kebencian kepada kerajaan oleh parti Pas.

"Kita tidak menutup SAR dan mana-mana pihak atau kerajaan negeri yang ingin meneruskannya, boleh. Tetapi tiada lagi bantuan daripada kerajaan kerana kita tidak mahu bersubahat dengan mereka yang menyebarkan ajaran bertentangan dengan Islam serta ideologi parti tertentu yang bertentangan dengan agama.

"Malah, kerajaan turut menghentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat yang dipelopori oleh Umno di kampung-kampung," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata kajian mengenai penyusunan semula kurikulum sekolah kebangsaan oleh jawatankuasa itu akan mengambil masa tetapi berharap ia boleh disiapkan secepat mungkin.

"Kita ambil masa sedikit, kita nak buat secara teliti. Kita kena tentukan supaya sukatan nya menepati kehendak agama Islam," katanya.

Beliau berkata, laporan awal daripada Murad berkisar kepada soal masalah kerana yang ada bukan saja sekolah agama rakyat, malah pelbagai jenis sekolah termasuk SAR sebelah petang.

Ditanya sama ada beliau bimbang isu itu, yang kini dimainkan oleh Pas, akan menjejaskan Umno pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata isu itu sebenarnya membimbangkan Pas kerana mereka mahu mempertahankan SAR.

"Kita (Umno) mahu mempertahankan agama Islam. Mereka sembahyang hajat untuk mempertahankan sekolah, kita sembahyang hajat untuk mempertahankan agama Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menambahkan waktu belajar bagi subjek agama Islam di sekolah kebangsaan tanpa menjejaskan imej sekolah kerajaan supaya ia turut menarik pelajar bukan Islam.